

Pencak silat akan hadapi tiga masalah utama

-6 DEC 1987

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pencak silat di masa depan akan menghadapi masalah yang berkaitan dengan falsafah pencak silat, cita-cita pencak silat dan pencapaian pencak silat.

Drs Jan A Pandey dari Indonesia ketika membentangkan kertas kerjanya Cabaran Pencak Silat

Yang Akan Datang dan Strategi Pengembangannya di Seminar Sehari Silat sempena Kejuaraan Silat Sedunia Keempat berkata ketiga-tiga aspek itu akan menjadi masalah yang utama.

"Masalah-masalah yang timbul itu adalah sebahagian daripada cabaran dalam dunia persilatan yang perlu diatasi," katanya.

Katanya, suatu strategi perlu ditetapkan untuk mencapai kemajuan dan perkembangan pencak silat pada masa akan datang.

Kebatinan

Strategi yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan organisasi, sasaran, kewangan, makmal dan pernerbitan.

Menurut Drs Jan kerjasama antara organisasi semua peringkat dengan badan yang berkaitan dengan keolahragaan dan kesenian diperlukan untuk menjamin kejayaan perkembangan pencak silat yang akan datang.

B. Minggu (M)

Seorang lagi pembentang kertas kerja, Tuan Ismail Tuan Soh, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata adalah tidak benar seni silat ditafsirkan sebagai ilmu membela diri orang Melayu.

Beliau berkata tidak semestinya semua ilmu membela diri orang Melayu adalah seni silat.

"Ilmu kebal iaitu sejenis ilmu membela diri umpamanya bukanlah seni silat kerana orang yang mengamalkannya tidak perlu pandai bersilat," katanya. Begitu juga dengan kebolehan menguasai ilmu-ilmu kebatinan yang lain seperti ilmu berani, ilmu gerun, ilmu pengasih, ilmu ghaib, ilmu pukau dan ilmu bayangan.

"Bahkan ilmu membela diri Silat Nasrul-Haq, Silat Budi Suci, Silat al-Muazizat, Silat Wali Suci dan Silat Zikrullah tidak boleh digolongkan sebagai seni silat Melayu dalam erti kata sebenarnya," kata Tuan Ismail.

SEKALIPUN TEWAS

Oliver tetap puas

-6 DEC 1987

PESILAT termuda dari Jerman Barat, Oliver Meschke, 14 tahun, tidak kecewa, walaupun gagal meneruskan pertarungan dalam Kelas C Kejuaraan Silat Sedunia

B. MINGGU (M)

silat ketika berusia 9 tahun mengalami kecederaan di ibu jari kaki kanannya ketika menentang Ruzaidi.